

## STANDARD UMUM SAYUR BERDAUN

### 1. SKOP

Standard ini adalah untuk keperluan umum bagi sayur berdaun yang masih belum mempunyai standard khusus untuk pasaran segar.

### 2. RUJUKAN NORMATIF

Rujukan normatif berikut adalah penting bagi penggunaan standard ini. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang dinyatakan akan digunakan. Bagi rujukan tidak bertarikh, edisi terkini bagi rujukan normatif (termasuk sebarang perubahan) digunakan.

*MS 1187, Method of sampling for fresh vegetables*

*Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.*

### 3. DEFINISI

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan bermaksud:

- 3.1. **Bersih**- Agak bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.
- 3.2. **Kecacatan**- Mempunyai tanda - tanda yang menjejaskan rupa keseluruhan seperti berikut:
  - 3.2.1. **Cacat bentuk** - Bentuk tidak normal bagi varietinya.
  - 3.2.2. **Cacat rupa** - Tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik dan kesan-kesan lain yang tidak boleh dibersihkan. Kesan ini meliputi lebih 10% pada bahagian sayur berdaun.
- 3.3. **Perapian**- Membuang daun yang berubah warna, terlebih matang, kering, reput atau rosak yang menjejaskan keseluruhan rupa. Akar hendaklah dibersihkan dan dipotong (jika perlu) mengikut kehendak pasaran.
- 3.4. **Rosak**- Sebarang kecederaan disebabkan oleh perosak dan/atau penyakit, kesan mekanikal dan fisiologi yang menjejaskan kualiti dan jangkahayat pasaran.
  - 3.4.1. Kecederaan disebabkan oleh perosak dan/atau penyakit seperti kesan gigitan serangga, berlubang, busuk, reput dan berkulat.

- 3.4.2. Kecelakaan mekanikal semasa pengendalian seperti terpotong, terkoyak dan patah.
  - 3.4.3. Kecelakaan fisiologi disebabkan oleh keadaan bukan patologi seperti kekurangan nutrien, perubahan cuaca dan suhu yang ketara. Contoh kerosakan seperti nyahwarna, merekah dan kecederaan dingin.
- 3.5. **Segar** - Daun atau bahagian sayur berdaun tidak layu atau kecut.

#### 4. KEPERLUAN MINIMUM

- 4.1. Hendaklah segar, bersih, agak bebas daripada rosak dan kecacatan.
- 4.2. Hendaklah mencapai peringkat pembentukan yang sempurna mengikut ciri-ciri varieti dan kawasan di mana ianya ditanam.
- 4.3. Hendaklah mempunyai varieti yang sama.
- 4.4. Hendaklah dibuat perapian.
- 4.5. Hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [*Akta 141*].

## 5. PENGKELASAN GRED

5.1. Sayur berdaun dikelaskan kepada dua (2) gred, bergantung kepada spesifikasi dan ciri-ciri gred seperti Jadual 1:

**Jadual 1: Pengkelasan Gred**

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran
<b>Premium</b>	Sayur berdaun hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- daripada varieti yang sama;</li> <li>- segar;</li> <li>- bersih; dan</li> <li>- agak bebas daripada rosak dan/atau kecacatan .</li> </ul>	Kerosakan hendaklah tidak melebihi 3%.  Maksimum 5% daripada segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap konsainan..  Sayur berdaun dalam gred ini hendaklah menepati keperluan Gred 1.
<b>1</b>	Sayur berdaun hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- daripada varieti yang sama;</li> <li>- segar;</li> <li>- bersih; dan</li> <li>- agak bebas daripada rosak dan/atau kecacatan .</li> </ul>	Kerosakan hendaklah tidak melebihi 5%.  Maksimum 10% daripada segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap konsainan..  Sayur berdaun dalam gred ini hendaklah menepati keperluan Gred 2.

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran
2	Sayur berdaun hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- daripada varieti yang sama;</li> <li>- segar;</li> <li>- bersih; dan</li> <li>- hampir bebas daripada kecacatan dan/atau kerosakan</li> </ul>	Kerosakan hendaklah tidak melebihi 5%.  Maksimum 15% daripada segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap konsainan.  Sayur berdaun dalam gred ini hendaklah menepati keperluan minimum.

## 6. PENGKELASAN SAIZ

Tiada keperluan saiz bagi sayur berdaun.

## 7. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 7.1. Pembungkusan

- 7.1.1. Hendaklah mempunyai ukuran yang boleh menampung dengan secukupnya kuantiti sayur berdaun yang dibungkus.
- 7.1.2. Hendaklah mengandungi sayur berdaun daripada varieti dan gred yang sama.
- 7.1.3. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 20 kg.
- 7.1.4. Hendaklah memenuhi ciri-ciri kualiti, kebersihan dan ketahanan supaya dapat memberi perlindungan yang maksimum daripada apa-apa kerosakan kepada sayur berdaun semasa pengendalian dan pengangkutannya.
- 7.1.5. Hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak menyebabkan kerosakan dan menjejaskan kualiti.

## 7.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 7.2.1. Nama keluaran pertanian
- 7.2.2. Varieti
- 7.2.3. Gred
- 7.2.4. Tempat asal
- 7.2.5. Nama dan alamat perniagaan, pengimport, pengeksport, ejen, pengeluar atau Pengedar.
- 7.2.6. Kod penanam (Sabah dan Sarawak)
- 7.2.7. Berat bersih

## 8. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of sampling for fresh vegetables”.

## 9. KEPERLUAN PERUNDANGAN

Hendaklah mematuhi keperluan perundangan yang dikuatkuasakan di Malaysia.

## 10. RUJUKAN

*UNECE STANDARD FFV 58 –Leafy Vegetables*

*AFRICAN LEAFY VEGETABLES-Specification*